

## CILIBANGI: DARI PENYELIDIKAN KE PENGKOMERSILAN

oleh : Nor Asiah Mohamad

Walaupun negara Malaysia mempunyai cuaca yang bersesuaian untuk penanaman cili serta mempunyai permintaan yang tinggi, tetapi risiko terhadap serangan penyakit dan serangga perosak tetap menjadi penghalang utama kepada tanaman tersebut yang boleh mengurangkan produktiviti pengeluarannya. Justeru, penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia melakukan satu proses penyelidikan jangka panjang sejak tahun 1978 yang berjaya menghasilkan variasi cili hibrid berkualiti tinggi, tahan terhadap penyakit serta berpotensi memberikan penghasilan tinggi dan seragam. Penyelidikan ini melibatkan proses pemilihan tanaman bagi mendapatkan baka terbaik dari cili berbanding yang sedia ada dalam pasaran disamping mempertingkatkan industri pertanian negara. Program biak cili di UKM ini telah dimulakan pada tahun 1978 oleh Profesor K. M. Graham dan kemudiannya diteruskan pada tahun 1987 oleh Profesor Dr Ahmed Mahir Mokhtar Bakri Mohamed. Penyelidikan seterusnya dijalankan dibawah seliaan program *Intensified Research in Priority Areas (IRPA)* yang diketuai oleh Profesor Madya Dato ' Dr Zakri A. Hamid. Antara penyelidik yang terlibat termasuklah Profesor Madya Dr Ahmed Mahir Mokhtar Bakri, Jabatan Genetik dan Profesor Dr Ismail Ahmad dari Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM.

Cilibangi 1 dan Cilibangi 2 telah diperkenalkan pada 13 Disember 1995 di Makmal Bioteknologi Tumbuhan oleh Profesor Dato' Dr Sham Sani, selaku Naib Canselor UKM manakala Cilibangi 3 dan Cilibangi 4 telah dilancarkan di Makmal Bioteknologi Tumbuhan pada 5 Mac 1998 oleh Profesor Madya Dato' Dr Zakri A. Hamid, Pemangku Naib Canselor UKM. Penyelidik demi penyelidik dilakukan demi untuk menambah baik variasi cili sedia ada selain mengatasi permintaan dalam negara yang agak tinggi.



Sepanjang majlis memperkenalkan CiliBangi 1 dan 2 oleh YBhg Prof. Dato' Dr Sham Sani, selaku Naib Canselor UKM pada 13 Disember 1995 di Makmal Bioteknologi Tumbuhan

Dr Ahmed Mahir menyatakan bahawa jenis Cilibangi 3 mempunyai hubungan dengan Cilibangi 1 kerana mempunyai jenis induk yang sama. Cili ini dihasilkan dengan dua siri kacukan bagi memindahkan sifat agronomi yang baik termasuk kerintang terhadap penyakit. Ini diikuti dengan penyaringan penyakit dan pemilihan selama 20 generasi. Cilibangi 3 adalah paling stabil genetikanya iaitu kematangan serentak (64 peratus buah masak), bilangan buah matang, pertumbuhan menegak, satu batang utama, diameter kanopi, jumlah buah setiap pokok, ketinggian, bentuk dan jenis buah serta rupa bentuk pokok stabil. Cilibangi 3 juga tahan terhadap serangan penyakit virus dan kulat serta rasanya lebih pedas dan rangup.

Manakala menurut beliau juga, Cilibangi 4 mempunyai sifat kematangan serentak (62 peratus buah masak), bilangan buah matang, satu batang utama, ketinggian pokok, bentuk dan jenis buah stabil. Penuaian buahnya juga boleh dilakukan secara mekanikal dan pokok jenis ini kecil dan rendah membolehkannya ditanam dengan jarak yang rapat iaitu dalam anggaran sehingga 44,000 pokok per hektar.

Seterusnya, usaha mempertingkatkan mutu cili diteruskan dengan penghasilan Cilibangi 5 dan Cilibangi 6, yang dilancarkan pada 14 Mei 2001 di UKM-MTDC Technology Smart oleh Dato 'Seri Hj. Mohd Shariff Omar, Timbalan Menteri Pertanian Malaysia. variasi ini melalui sehingga 25 generasi pemilihan dan menunjukkan ketahanan terhadap penyakit, termasuk jangkitan CVMV (cili virus coreng veinial) serta kulat bintik berpusar *Colletotrichum capsici*.

Kesimpulannya, penyelidikan berterusan yang dijalankan ini memberikan impak positif kepada sektor pertanian negara, khususnya dalam membantu meningkatkan produktiviti petani. Inisiatif ini juga menyokong usaha kerajaan dalam memperkasa industri pertanian melalui inovasi produk tempatan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan serta menarik pelaburan dalam sektor agroteknologi.

### Sumber:

- Cilibangi Tiga, Empat sedia untuk pasaran, 9 Februari 1998, Berita Harian (BH) <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/634844>
- UKM lancar dua produk cili, 4 Mac 1998, Berita Harian (BH) <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/634324>
- UKM keluarkan cili jenis baru, 6 Mac 1998, Berita Harian (BH) <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/634294>
- Majlis Memperkenalkan Cili Bangi, *PhotographyUKM / FotografiUKM*, 13 Oktober 1995 <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/777506>
- Cili Bangi, *PhotographyUKM / FotografiUKM*, 13 Oktober 1995, <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/417925>
- Cilibangi 3 dan 4 beri hasil lebih lumayan, 2 Mac 1998, Berita Harian (BH) <https://ptslidigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/634841>
- Sejarah CiliBangi <https://www.cilibangi.com/sejarah-cilibangi/>